

Pemulihan Ekonomi Asia Pasifik Semakin Mengukuh: Laporan Bernama

3 Apr, 2014

Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 3 April (Bernama) -- Pemulihan ekonomi di rantau Asia Pasifik semakin mengukuh, demikian menurut laporan terkini Analisis Trend Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Menurut laporan itu kecekapan pengeluaran yang tinggi, disokong oleh keadaan menjalankan perniagaan yang lebih mesra inovasi, diperlukan untuk membantu menggerakkan ekonomi ke landasan pertumbuhan lebih baik dan merapatkan jurang dalam pekerjaan dan taraf hidup.

Pengarah Eksekutif Sekretariat APEC, Dr Alan Bollard, berkata ekonomi di rantau APEC sedang pulih dan dijangka meningkat dengan cepat.

"Keutamaan kami sekarang adalah untuk memastikan rantau ini bergerak di landasan pertumbuhan jangka sederhana tinggi. Bagi mencapai ini, ekonomi APEC sedang menyediakan rangka mencapai pemulihan dalam perdagangan dan daya penghasilan," katanya.

Ekonomi 21 negara anggota APEC menyumbang separuh daripada perdagangan dunia dan 60 peratus daripada jumlah keluaran dalam negara kasar.

Pertumbuhan ekonomi dalam kalangan negara-negara itu diunjur meningkat daripada 3.7 peratus pada 2013 kepada 4.2 peratus pada 2014.

Ini dijangka meningkat lagi kepada 4.4 peratus pada 2015.

Menurut Dr Bollard, perdagangan perdagangan APEC berada di tahap tinggi di peringkat global tetapi eksport masih perlahan dan tidak memberi sumbangan kepada pertumbuhan optimum.

Pada masa yang sama, katanya, rantau ini menghadapi cabaran berkembar iaitu pengurangan produktiviti buruh dan pertumbuhan pekerjaan.

Seorang pakar ekonomi mikro Unit Sokongan Dasar APEC yang juga pengarang utama Laporan Analisis Hala Tuju Ekonomi APEC, Quynh Le berkata kecekapan pengeluaran telah merosot dalam kalangan firma di negara ekonomi sedang pesat membangun dan negara membangun manakala syarikat di negara perindustrian semakin banyak menghentikan pekerja.

Beliau berkata pemulihan ekonomi adalah prasyarat kepada peningkatan semula produktiviti dan pekerjaan tetapi ini pun mungkin tidak mencukupi.

"Peningkatan mapan produktiviti dan memastikan pewujudan peluang pekerjaan yang besar memerlukan kecekapan pengeluaran lebih tinggi berdasarkan kepada lebih banyak inovasi dalam pelbagai sektor perniagaan.

"Sebagai contoh, inovasi teknologi boleh melahirkan pasaran untuk produk baharu dan seterusnya peluang pekerjaan dan pertambahan pengeluaran," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027709>